

Headline **Mak Andak qigih bela nasib anak jalanan**
Date **27 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **3,872**

Language **Malay**
Page No **S17**
Article Size **704 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **11,616**



Mak Andak gigih bela nasib anak jalanan

Hatinya bagai ditusuk sembilu setiap kali melihat penderitaan mereka

Ketika kebanyakan anak yang sebaya ceria mengayun langkah ke sekolah, dia pula hanya menghabiskan usia mudanya menerjah debu di lorong belakang yang menyimpan seribu macam karenah pahit getir kehidupan.

Gedung ilmu baginya hanya lorong belakang dan medan letak kereta sementara lingkungan kawannya pula terdiri daripada anak jalanan atau penagih dadah dan bapa ayam.

Kurang perhatian ibu bapa yang sibuk dengan kerja menjadikan Hisyam (bukan nama sebenar) anak jalanan, terbiar dan tercicir daripada persekolahan. Dalam usia hanya 13 tahun, dia juga sudah terjebak dengan ketagihan menghidu gam. 'Anak jalanan' ini yang mencari wang dengan menjadi atendan letak kereta ditemui sukarelawan Arfidah Ab Latif, ketika mendekati masyarakat di sekitar Jalan Bukit Bintang di sini baru-baru ini.

Arfidah turut meninjau pondok papan yang serba-serbi usang dengan dinding sudah dimakan anai-anai menjadi tempat anak jalanan ini melepaskan lelah bersama rakan senasib dengannya. Di kawasan yang sama, Arfidah bertemu seorang remaja perempuan berusia kira-kira 16 tahun yang berpakaian seksi. Meskipun jarum jam melepasi satu pagi, remaja ini masih berkeliaran bersama teman lelakinya dan beberapa remaja lelaki yang lain.

Beliau juga mendapat tahu remaja itu juga pernah tidak pulang ke rumah dan bermalam di rumah kawannya.

Remaja perempuan ini juga, menurut Arfidah ketagih menghidu gam. Sebagai sukarelawan yang sudah masak dengan karenah anak-anak jalanan ini, hatinya bagai ditusuk sembilu melihat anak

jalanan ini dengan kehidupan yang terumbang-ambing dan bergelumbang dengan cara kehidupansongsang.

Acap kali juga dia mengesat air matanya yang berjurai mengenangkan nasib anak jalanan ini, seketika terkenang tiga anaknya yang disifatkan lebih bernasib baik kerana dijaga keluarganya di kampung.

Bagi Arfidah, isu anak jalanan ini yang berkeliaran di sekitar Jalan Bukit Bintang, Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman, bagaikan 'cendawan, yang dipetik selepas kembang dan kemudian tumbuh balik.' "Lazimnya cendawan apabila sudah kembang, orang akan petik untuk dimakan atau dijual. Lepas dipetik, cendawan itu akan tumbuh lagi. Macamlah juga anak jalanan ini, kita pantau mereka dan kemudian demi masa depan mereka, kita ambil dari tepi jalan, beri terapi dan serahkan ke pusat penjagaan.

"Kami ingat apabila sudah ditolong, bilangan anak jalanan ini akan berkurangan tapi keadaan sebaliknya berlaku. Bilangan mereka terus bertambah. Saya percaya anak itu datang dari luar kawasan sini," jelas Arfidah kepada Bernama dalam satu wawancara baru-baru ini.

Anak-anak jalanan itu, katanya, mengisi masa dengan menyelongkar 'harta karun' (apa sahaja barang yang boleh dijual) di tong sampah untuk mencari wang.

"Yang paling sedih ada anak jalanan seawal usia 13 tahun di sekitar Jalan Bukit Bintang sudah menjadi macai iaitu budak suruhan kepada bapa ayam atau pengedar dadah. Ada juga remaja perempuan yang menjadi macai.

"Macai ini juga akan menjadi mangsa buli otai iaitu mereka yang sudah tinggal lama di kawasan berkenaan dan kemudian menjadi pengedar dadah atau bapa ayam. Otai ini bermula sebagai macai dan kebanyakannya orang Melayu. Ada juga yang berasal dari Sabah dan Sarawak," jelas

Arfidah.

Katanya, ada anak jalanan (lelaki) yang menjadi 'anak ikan' iaitu anak didik pondan atau 'mak nyah' dan mereka ialah anak pekerja seks yang terbiar dan menjadi rapat dengan pondan yang tinggal berhampiran.

"Pondan yang sudah tua akan mengumpun anak ikan ini yang biasanya mempunyai wajah tampan dengan wang. Kemudian, budak ini akan disolek menjadi perempuan dan disuruh melacur. Pondan tadi akan mengambil sebahagian wang anak ikannya untuk membayar sewa bilik dan untuk perbelanjaan lain," katanya.

Siapa anak jalanan

Bercakap lebih lanjut mengenai anak jalanan ini, Arfidah berkata kebanyakan mereka datang daripada keluarga yang berkekrisis. Ibu anak jalanan itu mencari nafkah dengan bekerja di kilang, kedai, hotel (sebagai pencuci) dan pegawai perhubungan pelanggan (GRO). Ada juga yang menagih dadah dan menjadi pekerja seks, katanya. Mengenai bapa mereka, Arfidah memberitahu bahawa kebanyakannya penagih dadah dan ada juga yang sedang menjalani tahanan serta pemulihan di pusat serenti.

"Mereka datang ke kawasan ini untuk mencari kehidupan baru tetapi malangnya kehidupan yang ditemui tidak seindah yang dimpikan. Anak yang terbiar ini, ada yang tidak bersekolah, dan ada yang tidak mempunyai sijil kelahiran. Ramai juga anak yang dilahirkan di luar nikah.

"Mereka memilih tinggal di kawasan ini (sekitar Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman) kerana sewa bilik murah, sekitar RM10 sehari, tak perlu bayar deposit air dan elektrik. Bilik yang disewa cuma untuk tempat tidur. Kalau nak makan, beli sahaja di gerai dan kalau nak dapat duit, cari harta karun dari tong sampah. Yang banyak buat kerja ini ialah penagih dadah," jelasnya.

Arfidah berkata ada juga anak jalanan yang menjadi penagih dadah kerana ibunya sendiri penagih dadah.

"Perkara ini berlaku di depan mata saya. Perempuan ini menjual dadah sambil mengelek anaknya yang berumur tiga tahun. Apabila kanak-kanak ini besar, dia menjadi penagih dadah. Budak ini pernah dimasukkan ke sekolah pemulihan tetapi bila dia keluar,

Headline	Mak Andak qigih bela nasib anak jalanan	Language	Malay
Date	27 Aug 2009	Page No	S17
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	704 cm²
Section	Selangor & KL	Color	Full Color
Journalist	N/A	PRValue	11,616
Frequency	Daily		
ADValue	3,872		

perangainya menjadi lebih teruk.

"Nak salahkan siapa? Dari kecil dia dah ikut emak dia dari lorong ke lorong menjual dadah, akhirnya bila remaja, budak ini sendiri terlibat dengan dadah," katanya.

Menurutnya, ada juga anak kecil yang dijadikan umpan mengemis oleh si ibu sehingga jam tiga pagi-untuk mencari wang mudah bagi membeli dadah.

"Nak menjual tubuh, saham sudah turun, jadi mengemis jalan mudah mendapatkan wang. Mengemis selepas tengah malam juga lebih selamat kerana tidak ada operasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau pihak berkuasa lain," ujarnya.

Arfidah, bekas penagih dadah tegar, pada mulanya melakukan kerja sukarelawan bermula pada tahun 1999 untuk membantu penagih dadah khususnya di sekitar kawasan Chow Kit, katanya, untuk 'menebus dosa'.

"Apabila pulih daripada dadah, saya mahu menyibukkan diri saya dan mengisi ruang kosong dengan melakukan kerja sukarelawan atas kesedaran saya sendiri. Ketika itu saya tidak menyertai mana-mana pertubuhan.

"Apabila saya turun padang, pergi ke lorong di Chow Kit, saya terpancang kanak-kanak yang terbiar di kawasan itu. Timbul perasaan sedih dan kasihan. Saya berfikir bagaimana saya boleh membantu anak-anak yang berkeliaran di kawasan berisiko tinggi ini?

"Anak-anak berkenaan, ada yang tidak pergi ke sekolah, ada yang tidak mempunyai sijil kelahiran. Ini semua sebab kelalaian ibu mereka, ada yang ditinggal suami, ramai juga anak luar nikah," cerita Arfidah.

Menurutnya, setakat ini pihaknya berjaya membantu lebih 20 kanak-kanak mendapatkan sijil kelahiran. Di peringkat awal banyak halangan yang terpaksa dilalui untuk mendapatkan sijil itu.

"Ada yang menyoal saya ini siapa, daripada pertubuhan mana? Ada juga yang berkata mengapa saya yang sibuk-sibuk mahu menguruskan sijil kelahiran itu.

"Tapi saya ini jenis wanita yang degil. Ini semua tidak mematahkan semangat membantu anak-anak yang tidak berdosanya ini," cerita Arfidah sambil menjelaskan bahawa beliau mula memberi penekanan kepada anak jalanan pada tahun 2000 apabila dia bekerja sebagai sukarelawan sepenuh masa dengan sebuah

pertubuhan bukan kerajaan.

Ketika menjadi sukarelawan sepenuh masa itu, dia berpeluang mengikuti kursus undang-undang yang antaranya cara membantu ibu tunggal dan mendapatkan hak penjagaan anak serta urusan dengan mahkamah syariah dan mahkamah sivil.

"Ilmu serta pengalaman yang saya peroleh banyak membantu dalam kerja sukarelawan yang saya lakukan. Setakat ini saya telah membantu wanita penagih dadah (hampir 150 orang) dan anak jalanan sekitar Chow Kit, Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja Laut dan Kampung Baru (kira-kira 500 orang).

"Saya sudah buat kerja ini hampir 10 tahun. Umur saya kini sudah memasuki 55 tahun. Selagi saya masih berdaya, saya akan terus menyusuri lorong hitam ini, membantu mereka yang terpinggir.

"Kalaupun masyarakat di luar sana dapat melihat di mana anak jalanan ini dan ibu mereka tinggal... terharu betul," katanya sambil air jernih sekali lagi bergengang lalu menitis membasahi pipinya.

Bagi Arfidah yang juga dikenal sebagai 'Mak Andak' dalam kalangan anak jalanan, tiada yang lebih membanggakan apabila anak yang pernah dibantu masih mengingatinya.

"Apabila saya pergi ke lorong, saya dengar suara memanggil Mak Andak. Hati saya menjadi sayu kerana dia masih ingat pada saya sedangkan masa saya membantunya, usianya baru tujuh tahun dan sekarang dia sudah 18 tahun. Walaupun dia seorang yang degil tetapi dia masih ingat pada saya.

"Ada juga anak yang mereka tahu saya berada di kawasan ini, mereka akan datang mendapatkan saya. Mereka masih hormat dengan saya. Apa yang saya lakukan hanyalah sekadar menghulurkan tangan, memberi nasihat semasa mereka kecil," katanya yang menahan kesedihan.

Menurut wanita yang cekal hati ini, meskipun dia hanya seorang bekas penagih dadah tanpa pelajaran yang tinggi, dia bersyukur kerana sedikit sebanyak dia dapat mentarbiahkan kanak-kanak yang terbiar itu. Jelasnya, anak-anak jalanan biasanya perlu didekati terlebih dahulu untuk mengenali masalah mereka dan proses itu mengambil masa, sebelum beliau merujuk anak-anak itu ke pusat penjagaan atau pemulihan.

Melihat gejala yang tidak sihat ini yang seperti tiada surutnya, Arfidah berharap pihak berkuasa yang berkenaan akan lebih 'turun padang' untuk melihat sendiri pelbagai masalah sosial yang boleh diibaratkan sebagai 'api dalam sekam' dalam masyarakat. Kawasan Chow Kit bagaikan 'padang permainan' baginya. Banyak yang telah dilalui Arfidah sepanjang 20 tahun bergelut dengan dadah di kawasan itu sebelum dia insaf dan kembali ke pangkal jalan.

Anak yang terbiar, baginya adalah hasil sikap ibu bapa yang terlepas pandang akan kebajikan anak mereka. Ibu bapa yang sibuk dengan pekerjaan, miskin dan tidak ada pelajaran serta keadaan rumah yang sempit adalah antara faktor yang mendorong anak keluar dari rumah dan menjadi anak jalanan.

"Selagi anak itu tidak mengalami kecederaan fizikal, ibu bapa akan membiarkan sahaja anak mereka tetapi apabila sudah berlaku sesuatu yang tidak diingini, barulah mereka akan tersentak.

"Seperti seorang remaja perempuan yang saya temui di Jalan Bukit Bintang. Bagi saya, remaja yang terbiar seperti ini bakal menjadi pelacur. Sekarang dia sudah pandai hidu gam, mungkin kemudian akan mengambil dadah. Dia mungkin akan menjual tubuhnya untuk mendapatkan dadah.

"Tidak mustahil juga suatu hari nanti remaja itu akan dijangkiti HIV dan apabila saham sudah turun, akan merempas dan mengemis seperti perempuan yang meriba bayi yang saya katakan tadi," katanya.

Dia hanya melakukan apa yang terdaya tetapi perlu ada susulan dan kesinambungan daripada pihak yang berwajib menangani masalah ini.



Headline	Mak Andak qigih bela nasib anak jalanan	Language	Malay
Date	27 Aug 2009	Page No	S17
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	704 cm²
Section	Selangor & KL	Color	Full Color
Journalist	N/A	PRValue	11,616
Frequency	Daily		
ADValue	3,872		



● Arfidah (tengah) bertanyakan sesuatu kepada Hisham (bukan nama sebenar) yang ditemuinya di kawasan Bukit Bintang.